



FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

BIL 01 DIS - MEI 2000

ISSN : 1511-7472

14 JUL 2000
UNTUK EDARAN DALAMAN

Bahasa Melayu

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum : Relevannya dengan IPTA

A. Aziz Deraman

Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari

Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri

Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam

Mohd Nor Mamat

Anda dan Pembacaan

Zohra Ibrahim

Kumpulan Pendesak/Seminat

Posiah Mohd Isa

Bahasa Inggeris

The Changing Role of the Secretarial Profession

Halifah Abdul Rahman

An Insight Into the Global Market Penetration by

A Malaysian Construction Firm :

Evaluation of the Construction Industry in International Markets

Noraliza Haji Basrah

KOSMOLOGI KELUARGA PADA MILENIUM SIBER

Motivasi & Pemantapan Akademik

Teknik Peperiksaan

Habibah Lehar

Getting Ready for A Basic Accounting Examination!

Khashi'ah Yusof

Mendengar dan Menggalakkan Manusia Bercakap

Darussalam Abu Bakar

FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

“ KOSMOLOGI KETAKUAN PADA MILLENIUM SIBER ”

© Kolej Cempaka Kenanga
Universiti Teknologi Mara Shah Alam

Cetakan Pertama, Mei 2000

Hakcipta adalah terpelihara. Mana-mana artikel atau isi kandungan jurnal ini tidak boleh diterbitkan semula ataupun disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

Semua artikel adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak semestinya merupakan pandangan pihak penerbit.

*Susun Atur Teks: Times New Roman
Saiz Huruf: 11 poin
Rekabentuk Kulit: Mohd Nor Mamat*

ISSN: 1511-7472

Diterbitkan oleh:
Kolej Cempaka Kenanga
Universiti Teknologi Mara
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
E-mail : fakultas@hotmail.com

Dicetak oleh:
Univision Press Sdn Bhd (473080-W)
Taman Samudra, Bt Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel: 03-6892679/3386 Fax:03-6871053
E-mail : unvision@tm.net.my

SENARAI PENYUMBANG

1. Tuan Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob
Dekan
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
3. En Saidina Omar Samsuri
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
4. Us. Mohd. Nor Mamat
Pusat Pendidikan Islam UiTM
5. Dr. Žohra Ibrahim
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
6. Dr. Posiah Isa
Fakulti Pentadbiran & Undang-Undang UiTM
7. Cik Halifah Abd. Rahman
Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat UiTM
8. Cik Noraliza Hj. Basrah
Fakulti Sains Perancangan dan Ukur UiTM
9. Pn Habibah Lehar
Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM
10. Pn Khashi'ah Yusof
Fakulti Perakaunan UiTM
11. En. Darussalam Abu Bakar
Ketua Kursus Penyiarian
Fakulti Sebaran Am UiTM

LEMBAGA EDITORIAL

Penaung
 Datuk Prof Ir. Dr Haji
 Ahmad Zaidee Ladin

Penasihat Khas
 Prof Madya
 Dr Yaacob Yusof

Penasihat
 Cik Noraliza Basrah

Koordinator
 Us Mohd Nor Mamat

Ex Officio
 Rafidah Abdul Aziz

Ketua Editor
 Haslina Abu Samad

Pen Ketua Editor
 Haniza Othman

Editor
 Ellyna Yusof
 Liza Imelia M.Sulanah
 Sh Radhiah Said Alwi
 Siti Raudhah Shaari
 Nazathul Shima Azizi
 Azimah Kassim
 Zatul Iffah Abdul Halil
 Tn Noraiham Tn Yasin
 Suriati Abd Shukor
 PurnamaSari Sahmawi
 Istiqamah Subuki
 Hazilah Mat Isa

ISI KANDUNGAN

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum Relevannya dengan IPTA: Satu Analisis <i>Tuan Haji A. Aziz Deraman</i>	1
Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari <i>Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri</i>	25
Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam <i>Mohd Nor Mamat</i>	35
Anda dan Pembacaan <i>Dr Zohra Ibrahim</i>	49
Kumpulan Pendesak/Seminat <i>Dr Posiah Mhd Isa</i>	57
The Changing Role of the Secretarial Profession <i>Halijah Abdul Rahman</i>	67
An Insight Into the Global Market Penetration by A Malaysian Construction Firm: Evaluation of the Construction Industry in International Markets <i>Noraliza Basrah</i>	75
Teknik Peperiksaan <i>Habibah Lehar</i>	95
Getting Ready for A Basic Accounting Exam!	101
Mendengar & Menggalakkan Manusia Bercakap <i>Darussalam Abu Bakar</i>	111
Jemputan Penulisan Artikel Jurnal Bil 02 Jun-Dis 2000	119

TEKNIK PEPERIKSAAN

Habibah Lehar

Pengenalan

Tahukah anda mengapa sesetengah pelajar boleh mendapat gred yang baik dalam peperiksaan sementara sesetengah yang lain tidak mendapat gred yang baik meskipun telah menumpukan banyak masa dan usaha mengulangkaji pelajaran?

Penulisan ini akan cuba memberikan sedikit pandangan yang dapat membantu para pelajar UiTM amnya dan para pelajar yang mengambil mata pelajaran ekonomi khasnya supaya dapat meningkatkan prestasi akademik dari masa ke semasa.

Objektif utama sesuatu peperiksaan ialah untuk melihat kemampuan dan kebolehan seseorang pelajar memahami sesuatu tajuk tertentu. Tidak dapat dinafikan teknik-teknik asas persediaan peperiksaan penting difahami oleh semua pelajar UiTM. Pemahaman dan aplikasi teknik-teknik asas persediaan peperiksaan dapat meyakinkan pemeriksa bahawa pelajar memahami sepenuhnya sesuatu tajuk. Perlu diingatkan di sini ujian dan tugasan di UiTM adalah merupakan sebahagian daripada jumlah pemarkahan keseluruhan bagi mata pelajaran tersebut dan mesti dianggap penting.

Bagi tujuan penulisan ini teknik peperiksaan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu persediaan sebelum peperiksaan dan semasa peperiksaan.

Persediaan Sebelum Peperiksaan

Persediaan sebelum peperiksaan bermula daripada di bilik kuliah/tutorial. Ini diikuti dengan penyediaan jadual persendirian di samping mempunyai sukanan mata pelajaran, soalan-soalan sesi lepas dan mempunyai semangat/motivasi yang tinggi untuk berjaya.

Kehadiran kuliah/tutorial yang baik adalah syarat yang penting untuk mendapatkan gred yang baik. Pelajar mesti cuba menghadiri semua kuliah/tutorial di samping tidak lewat. Semasa di dalam bilik kuliah/tutorial pelajar mesti berusaha mengambil nota kerana ia penting untuk tujuan ulang kaji.

Wujudkan hubungan yang baik dengan pensyarah dan manfaatkan waktu bimbingan yang telah diperuntukkan. Jika waktu bimbingan tidak sesuai dengan anda buatlah temujanji dengan pensyarah untuk menyelesaikan masalah akademik anda. Apa pun keadaan, anda mesti dapat memahami sesuatu tajuk sebelum pensyarah memulakan tajuk yang lain.

Jadual persendirian ialah jadual aktiviti harian anda yang di antaranya mengandungi ruang untuk ulang kaji di samping untuk aktiviti lain. Jadual ini mestilah tetap supaya mudah diingat. Alasan-alasan seperti masa tidak mencukupi, keliru, tiada daya konsentrasi atau terlalu banyak ko-kurikulum tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak dapat mengikuti jadual tersebut. Mengikuti jadual persendirian dengan berdisiplin boleh mengelakkan pelajar daripada hanya membuat persediaan pada saat-saat akhir. Persediaan pada saat-saat akhir boleh menyebabkan pelajar panik dan seterusnya tidak dapat mengingati fakta-fakta penting.

Berjayanya seseorang pelajar mengikuti jadual persendirian juga menunjukkan seseorang pelajar boleh menguruskan masa dan diri dengan baik.

Persediaan-persediaan penting lain ialah perlunya pelajar-pelajar mempunyai sukanan mata pelajaran bagi setiap mata pelajaran di samping mengumpul satu set sekurang-kurangnya tiga set soalan-soalan peperiksaan akhir sesi-sesi sebelumnya. Sukanan mata pelajaran adalah sebagai panduan mengenai topik-topik yang mesti dipelajari. Ia mengelakkan pelajar-pelajar daripada terkeluar daripada topik-topik yang termasuk dalam peperiksaan akhir.

Pelajar mestilah sentiasa merujuk kepada sukanan mata pelajaran apabila membuat ulang kaji ujian dan peperiksaan akhir.

Di samping sukanan mata pelajaran, pelajar-pelajar perlu ada satu set soalan akhir sesi-sesi sebelumnya. Soalan-soalan esei yang lepas dapat membiasakan pelajar dengan format dan keperluan peperiksaan akhir dan dapat memberikan gambaran mengenai idea pemikiran pemeriksa di samping dapat melihat kekerapan dan kecenderungan sesuatu topik. Berusahalah menjawab soalan-soalan tersebut dalam lingkungan masa yang diberi.

Pelajar juga mestilah tahu tarikh, tempat dan masa peperiksaan sama ada pagi atau petang serta tempoh masa peperiksaan tersebut dan akhir sekali pelajar mesti mempunyai semangat atau motivasi yang kuat untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Anggaplah peperiksaan sebagai satu peperangan yang anda mesti menang!

Persediaan Semasa Peperiksaan

Semasa peperiksaan perkara yang ditekankan ialah persediaan mental, peralatan yang perlu mengenai kertas soalan dan jawapan, memilih soalan, merangka jawapan, memperuntukkan masa, penulisan dan penelitian akhir.

Peperiksaan memerlukan tumpuan mental. Oleh itu keadaan psikologi seseorang calon adalah sangat penting. Calon-calon perlu ada keyakinan tinggi yang hanya boleh didapati daripada persediaan yang menyeluruh iaitu pembelajaran bersungguh-sungguh dan ulangkaji yang terancang. Semua alat tulis yang perlu dan yang dibenarkan oleh pengawas untuk dibawa ke dalam bilik peperiksaan hendaklah disediakan sebelum peperiksaan, pastikan juga untuk membawa alat tulis tambahan dan kad matrik.

Apabila anda duduk di dalam bilik peperiksaan, dengar dengan teliti arahan Ketua Pengawas mengenai butiran yang perlu dilengkapi di dalam buku jawapan. Setelah dibenarkan meneliti kertas soalan, bacalah arahan dengan teliti dan bacalah beberapa ayat al-Quran (bagi pelajar-pelajar yang beragama Islam) sebelum memulakan jawapan.

Bagi soalan wajib, anda tiada pilihan; walau bagaimanapun, dahulukan soalan yang mudah sambil memperuntukkan lebih masa untuk soalan yang agak payah. Bagi soalan yang ada pilihan, sebelum memilih soalan baca dan teliti soalan-soalan tersebut. Soalan-soalan yang telah dipilih mestilah dijawab dengan merujuk kepada rangka jawapan yang telah dibuat. Rangka jawapan dapat mengelakkan daripada ketinggalan beberapa fakta penting di samping memudahkan proses pemikiran.

Pada kebiasaan tempoh peperiksaan bagi sesuatu mata pelajaran ialah dua hingga tiga jam. Agihkan masa ini mengikut markah bagi tiap-tiap soalan setelah mengambil kira masa untuk memilih soalan, merangka jawapan dan masa untuk menyemak jawapan yang telah siap ditulis.

Tulislah jawapan anda dengan terang, besar dan bersih. Tulisan yang sukar dibaca boleh menjelaskan pemberian markah sekalipun jawapan tepat dan betul. Akhirnya buatlah penelitian terakhir skrip jawapan supaya dapat dibuat pembetulan dan menambah fakta yang tertinggal.

Bibliografi

Habibah Lehar; 1998. *Ekonomi Malaysia: Pembangunan Ekonomi dan Teknik Peperiksaan*. Universiti Teknologi MARA: Biroteks.

The Sun, 9 Februari 2000.